

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI
SHIEN
[JULAU]**

SOALAN NO. 239

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan cara yang digunakan oleh Kementerian untuk menentukan tahap pendapatan per kapita untuk daerah-daerah di Malaysia, berikutan kenyataan yang beberapa daerah di Sarawak merupakan daerah termiskin di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat per kapita di peringkat Malaysia pada harga semasa bagi tahun 2018 adalah RM42,627 berbanding RM41,128 pada tahun 2017. Namun begitu, Jabatan Perangkaan Malaysia tiada maklumat pendapatan per kapita di peringkat daerah pentadbiran.
2. Statistik pendapatan isi rumah diperoleh melalui Survei Pendapatan Isi Rumah (HIS) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Survei HIS ini dilaksanakan secara berkala dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun.
3. Tujuan utama survei ini adalah untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan isi rumah dan mendapatkan statistik terkini berkaitan dengan isi rumah miskin. HIS merupakan penyiasatan secara sampel yang meliputi Negeri, daerah pentadbiran dan strata (bandar dan luar bandar). Survei terkini sedang dijalankan pada tahun 2019.

4. Konsep dan definisi pendapatan isi rumah yang diguna pakai adalah berdasarkan saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nation*). Punca-punca Pendapatan sesebuah isi rumah merangkumi pendapatan yang diperolehi oleh kesemua ahli isi rumah sama ada daripada pekerjaan bergaji; bekerja sendiri; harta & pelaburan; dan pindahan semasa yang diterima. Pendapatan isi rumah adalah termasuk dalam bentuk tunai dan juga mata benda (*in-kind*).

5. Berdasarkan dapatan survei 2016, pendapatan isi rumah bulanan purata di daerah Pakan telah meningkat daripada RM2,431 pada tahun 2014 kepada RM2,760 iaitu bertumbuh 6.3 peratus setahun. Manakala pendapatan isi rumah bulanan penengah pula meningkat 5.7 peratus setahun daripada RM2,054 kepada RM2,304 dalam tempoh 2014 hingga 2016.

Sekian, terima kasih.